

KYTRIL[®] TABLET

Granisetron Hydrochloride (1mg)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Kytril
2. Bagaimana Kytril berfungsi
3. Sebelum mengambil Kytril
4. Cara menggunakan Kytril
5. Semasa menggunakan Kytril
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Kytril
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah Kegunaan Kytril

KYTRIL mengandungi bahan aktif granisetron.

Ia tergolong dalam kumpulan ubat yang dipanggil anti-emetik.

KYTRIL digunakan untuk mencegah dan menghentikan anda rasa mual (loya) atau muntah-muntah. Secara khusus, ia berguna apabila anda perlu menjalani rawatan perubatan yang boleh menyebabkan anda rasa mual, loya atau muntah-muntah, sebagai contoh, kemoterapi atau radioterapi

Tanya doktor anda sekiranya anda ada sebarang pertanyaan tentang sebab ubat ini telah ditetapkan untuk anda.

Doktor anda mungkin telah menetapkannya untuk sebab lain.

Ubat ini hanya boleh didapati dengan preskripsi doktor.

Bagaimana Kytril berfungsi

Granisetron tergolong dalam kumpulan ubat yang dipanggil penyekat 5-HT₃. Ia bertindak dengan menyekat salah satu bahan semula jadi tubuh (serotonin) yang boleh menyebabkan muntah-muntah.

Sebelum mengambil Kytril

- *Bila tidak boleh mengambil*

Jangan ambil KYTRIL sekiranya anda alah kepada:

- sebarang ubat yang mengandungi granisetron
- apa-apa bahan yang disenaraikan di penghujung risalah ini.

Jangan ambil KYTRIL selepas tarikh luput yang tertera pada pek atau sekiranya bungkusannya koyak atau menunjukkan tanda-tanda ia dibuka.

Maklumat adalah tidak mencukupi untuk mengesyorkan penggunaan Kytril secara oral pada kanak-kanak.

- *Sebelum mengambil Kytril Tablet*

Maklumkan doktor anda sekiranya:

- anda pernah alah kepada apa-apa ubat lain, makanan, pengawet atau pencelup lain.
- anda mengalami tanda-tanda usus tersumbat.
- anda hamil atau merancang untuk hamil atau sedang menyusukan. Doktor anda boleh berbincang bersama anda tentang risiko dan manfaat pengambilan KYTRIL sekiranya anda hamil atau menyusukan.
- anda pernah menggunakan KYTRIL, dan anda rasa tidak sedap badan. Sebaliknya, anda mungkin perlu diberi ubat lain.
- anda mengalami masalah jantung yang berkaitan dengan perubahan dalam rentak atau kadar denyutan jantung anda.
- anda mengalami masalah keturunan gula intoleransi yang jarang jumpa *galactose intolerance*, *lactase deficiency* atau *glucose-galactose malabsorption*.

Jika anda masih belum memaklumkan doktor anda tentang apa-apa yang dinyatakan di atas, maklukkannya sebelum anda mula mengambil KYTRIL.

- *Jika mengambil ubat-ubat lain*

Maklumkan doktor atau ahli farmasi anda sekiranya anda sedang mengambil apa-apa ubat lain, termasuk apa-apa ubat yang anda beli tanpa preskripsi dari farmasi, pasar raya atau kedai makanan kesihatan.

Sesetengah ubat dan KYTRIL boleh mengganggu antara satu sama lain.

Ubat-ubat tersebut termasuk:

- Phenobarbitone iaitu ubat yang digunakan untuk merawat epilepsi.

Phenobarbitone mungkin terjejas oleh KYTRIL atau boleh menjejaskan keberkesanan KYTRIL. Anda mungkin perlukan jumlah ubat yang berbeza, atau anda mungkin perlu untuk mengambil ubat lain.

Doktor atau ahli farmasi anda mempunyai lebih banyak maklumat tentang ubat yang perlu diberi perhatian atau dielakkan semasa mengambil KYTRIL.

Cara menggunakan Kytril

Ikut semua arahan yang telah diberikan kepada anda oleh doktor atau ahli farmasi anda dengan berhati-hati.

Arahan tersebut mungkin berbeza daripada maklumat yang terdapat di dalam risalah ini.

- *Berapa banyak harus digunakan*

Doktor atau ahli farmasi anda akan mengarahkan anda bilangan tablet KYTRIL yang perlu diambil setiap hari.

Kemoterapi

Bagi rawatan dan pencegahan rasa loya dan muntah-muntah yang dikaitkan dengan kemoterapi, dos biasa untuk orang dewasa ialah 1 tablet dua kali sehari atau 2 tablet sekali sehari sehingga satu minggu susulan kemoterapi.

Dos pertama Kytril perlu diambil dalam masa 1 jam sebelum permulaan rawatan.

Radioterapi

Bagi rawatan dan pencegahan rasa loya dan muntah-muntah yang dikaitkan dengan radioterapi, dos KYTRIL biasa untuk orang dewasa ialah 2 tablet sekali sehari sehingga satu minggu susulan radioterapi.

Dos pertama Kytril perlu diambil dalam masa 1 jam sebelum permulaan rawatan radioterapi.

- *Cara pengambilannya*

Telan tablet dengan segelas air penuh. Jangan hancurkan atau kunyah tablet.

KYTRIL[®] TABLET

Granisetron Hydrochloride (1mg)

- Bila perlu digunakan

Ambil ubat anda pada kira-kira masa yang sama setiap hari.

Pengambilan ubat pada masa yang sama setiap hari akan memberikan kesan terbaik. Ia juga akan membantu anda mengingati waktu untuk mengambilnya.

Anda boleh mengambil ubat ini sebelum atau selepas makan.

- Berapa lama perlu digunakan

Teruskan pengambilan tablet KYTRIL selagi diarahkan oleh doktor anda.

Doktor anda akan memaklumkan anda bila rawatan anda perlu dihentikan.

- Jika terlupa menggunakan

Jika ia menghampiri waktu untuk pengambilan dos yang seterusnya, langkau dos yang anda terlepas dan ambil dos anda yang seterusnya apabila tiba waktu yang telah ditetapkan.

Jika tidak, ambilnya sebaik sahaja anda mengingatnya dan kemudian teruskan rutin pengambilan ubat seperti biasa.

Jangan menggandakan dos untuk menggantikan dos yang anda terlepas mengambilnya.

Ia boleh meningkatkan peluang untuk anda mengalami kesan sampingan yang tidak diingini.

Jika anda mengalami masalah untuk mengingati pengambilan ubat anda, tanya ahli farmasi anda untuk sedikit panduan.

- Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Jika anda rasa atau sesiapa sahaja mungkin telah mengambil terlalu banyak KYTRIL, hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke bahagian Kemalangan dan Kecemasan di hospital berhampiran anda. Lakukannya walaupun tidak terdapat tanda-tanda ketidakselesaan atau keracunan.

Anda mungkin perlu diberikan rawatan perubatan segera.

Simpan nombor telefon di tempat yang senang dicapai.

Jika anda tidak pasti apa perlu dilakukan, hubungi doktor atau ahli farmasi anda.

Semasa menggunakan Kytril

- Perkara yang perlu dilakukan

Jika anda akan mula mengambil ubat baru, ingatkan doktor dan ahli farmasi anda yang anda sedang mengambil KYTRIL.

Maklumkan semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda yang anda sedang mengambil KYTRIL.

Maklumkan doktor anda dengan segera sekiranya anda hamil semasa mengambil ubat ini.

Maklumkan doktor anda sekiranya, atas apa jua sebab, anda tidak mengambil ubat anda dengan tepat seperti yang telah ditetapkan. Jika tidak, doktor anda mungkin beranggapan rawatan tersebut tidak berkesan dan menukar rawatan anda.

Maklumkan doktor anda sekiranya anda rasa yang tablet tersebut tidak membantu menyelesaikan masalah anda.

Pastikan untuk mematuhi semua temu janji dengan doktor anda supaya perkembangan anda boleh diperiksa.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan ambil KYTRIL untuk merawat masalah lain kecuali dibenarkan oleh doktor anda.

Jangan beri ubat anda kepada orang lain, walaupun mereka mengalami keadaan yang sama seperti anda.

Jangan berhenti mengambil ubat anda atau mengurangkan dos tanpa merujuk kepada doktor terlebih dahulu.

Jangan ambil apa-apa ubat lain sama ada ia memerlukan preskripsi atau tidak tanpa memaklumkan doktor anda terlebih dahulu.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Berhati-hati sewaktu memandu atau mengendalikan mesin/ jentera sehingga anda tahu bagaimana KYTRIL menjejaskan anda.

Kesan-kesan sampingan

Ubat ini membantu hampir semua orang yang mengalami rasa loya dan muntah-muntah, tetapi ia mungkin mendatangkan kesan sampingan yang tidak diingini pada segelintir orang. Semua ubat boleh mendatangkan kesan sampingan. Kadang-kadang ianya serius, tetapi selalunya ia tidak serius. Anda mungkin perlu rawatan perubatan sekiranya anda mengalami sebahagian daripada kesan sampingan tersebut.

Jangan terkejut dengan senarai kesan sampingan berikut. Anda mungkin langsung tidak mengalaminya.

Maklumkan doktor atau ahli farmasi anda sekiranya anda perasan mana-mana yang berikut dan ia membimbangkan anda:

- sakit kepala
- sembelit

Senarai di atas merangkumi kesan sampingan ubat anda yang lebih biasa berlaku.

Jika apa-apa yang berikut berlaku, maklumkan doktor anda dengan segera atau pergi ke Bahagian Kemalangan dan Kecemasan di hospital berhampiran anda:

- perubahan dalam denyutan jantung anda
- rasa pening teruk atau pitam
- gejala-gejala tindak balas alahan, misalnya sesak nafas, semput (berdehit) atau kesukaran bernafas; bengkak pada muka, bibir, lidah atau bahagian badan yang lain; ruam, gatal-gatal, geligata pada kulit.

Senarai di atas termasuk kesan sampingan yang amat serius. Anda mungkin perlu diberi rawatan

KYTRIL[®] TABLET

Granisetron Hydrochloride (1mg)

perubatan segera atau dimasukkan ke hospital. Kesan sampingan tersebut jarang berlaku.

Maklumkan doktor atau ahli farmasi anda sekiranya anda perasan apa-apa sahaja yang membuatkan anda rasa tidak sedap badan.

Kesan sampingan lain yang tidak disenaraikan di atas juga boleh berlaku pada segelintir orang.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web portal.bpfk.gov.my (*Consumers à Reporting*)

Cara Penyimpanan dan Pelupusan Kytril

- Penyimpanan

Simpan tablet anda di dalam bungkusan asal hingga tiba waktu untuk mengambalnya.

Jika anda mengeluarkan tablet dari bungkusan, ia tidak akan disimpan dengan baik.

Jangan simpan tablet anda di atas suhu 30°C.

Jangan simpan tablet KYTRIL, atau apa-apa ubat lain di dalam bilik mandi atau berhampiran singki.

Jangan tinggalkan tablet KYTRIL di dalam kereta atau di atas ambang tingkap.

Haba dan kelembapan boleh memusnahkan sesetengah ubat.

Simpan tablet KYTRIL jauh daripada jangkauan kanak-kanak.

Almari berkunci dengan sekurang-kurangnya ketinggian satu setengah meter di atas permukaan adalah tempat yang baik untuk menyimpan ubat.

- Pelupusan

Jika doktor anda mengarahkan anda untuk menghentikan pengambilan ubat ini atau ia telah melepasi tarikh

luputnya, tanya ahli farmasi anda apa yang perlu dibuat dengan sebarang baki yang masih belum digunakan.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

Tablet KYTRIL ialah tablet salut selaput berbentuk segi tiga dan berwarna putih hingga hampir putih dengan tertera 'K1' pada satu muka

KYTRIL juga boleh didapati dalam bentuk suntikan yang diberikan oleh ahli profesional kesihatan.

- Bahan-bahan kandungan

- Bahan Aktif

Setiap tablet KYTRIL mengandungi 1 mg granisetron.

- Bahan Tidak Aktif

- Sodium Starch Glycollate
- Magnesium Stearate,
- Hypromellose (3 mPa.s)
- Lactose Monohydrate,
- Opadry YS-1-18027-A
- Microcrystalline cellulose

- Nombor MAL:

Kytril Tablet
MAL19940574AZ

Pengilang

Dibuat untuk F. Hoffmann-La Roche Ltd, Basel, Switzerland
Oleh Roche S.p.A Milan,
Tapak pengeluaran Segrate, Italy

Pemegang Pendaftaran Produk

Roche (M) Sdn. Bhd.
Level 21, The Pinnacle,
Persiaran Lagoon, Bandar Sunway,
47500 Subang Jaya,
Selangor, Malaysia.

Tarikh Kemaskini RiMUP

04/04/16
(MYPILKytrilTab0714/CDS3.0)

Nombor siri:

BPFK(R4/1)230316/00088